

MAINE SUADIK  
YUSTEN KARULUS

# Teknologi, Perubahan Amalan Pertanian, dan Isu Rasionaliti Masyarakat Petani di Sabah, Malaysia

## ABSTRAK

*Kertas kerja ini mengkaji pengaruh teknologi terhadap perubahan amalan pertanian dalam masyarakat petani padi di Kampung Piasau, Kota Belud, negeri Sabah, Malaysia. Kertas kerja ini telah mengenalpasti tahap modenisasi dalam masyarakat petani di Kampung Piasau berdasarkan lima tahap pertumbuhan dalam teori pembangunan ekonomi oleh W.W. Rostow. Wujud sesebuah anggapan bahawa semakin "moden" sesuatu masyarakat, disebabkan oleh pengaruh teknologi baru, semakin berkurangan nilai tradisional yang dipercayai mereka, iaitu masyarakat menjadi lebih rasional. Di Kampung Piasau, anggapan ini didapati tidak boleh disokong sepenuhnya kerana walaupun banyak amalan pertanian asal yang tidak lagi diamalkan oleh petani, namun masih wujud fahaman yang berbelah bagi di kalangan informan mengenai amalan tradisional dalam aktiviti penanaman padi. Turut dikesan ialah satu perubahan sosial yang menarik, iaitu perkembangan dalam sumber pencapaian status sosial masyarakat. Status yang dicapai berlaku seiring dengan status sosial yang diwarisi. Data telah diperolehi dengan menggunakan pendekatan etnografi terhadap 60 orang informan yang terdiri daripada petani yang mempunyai tanah, sama ada dipinjam atau dimiliki, dan aktif melakukan aktiviti pertanian padi secara sepenuh masa dan separuh masa.*

**Kata-kata kunci:** *pengaruh teknologi, amalan pertanian, masyarakat petani padi di Kampung Piasau, dan sedikit bantahan terhadap teori pembangunan ekonomi.*

## PENGENALAN

Daerah Kota Belud merupakan salah satu pusat pengeluaran bahan tanaman, terutamanya padi di negeri Sabah, Malaysia. Pada tahun 2000, daerah ini menggunakan tanah paling luas di Sabah untuk tujuan penanaman padi. Lebih kurang 52 peratus daripada kawasan pertanian di Pantai Barat Sabah terletak di daerah Kota Belud dan ia meliputi 22.5 peratus bagi keseluruhan kawasan pertanian negeri Sabah dengan keluasan sebanyak 9,392.0 hektar tanah. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, daerah Kota Belud telah disasarkan sebagai kawasan jelapang padi Sabah (Gindanau Sakat, 2005:3). Kampung Piasau dijadikan sebagai kawasan kajian berkait perubahan amalan pertanian

---

Maine Suadik dan Yusten Karulus ialah Kedua-dua Pensyarah di Program Antropologi dan Sosiologi Sosial, Sekolah Sains Sosial UMS (Universiti Malaysia Sabah), Locked Bag 2073, 88999 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Alamat emel mereka adalah [maine@ums.edu.my](mailto:maine@ums.edu.my) dan [yusten\\_10@yahoo.com](mailto:yusten_10@yahoo.com)

akibat perkembangan teknologi dalam pertanian, kerana kampung ini adalah salah sebuah kawasan demonstrasi bagi program-program pembangunan pertanian padi dan ia antara kawasan utama yang menerima pengenalan teknologi baru di dalam sektor pertanian padi di daerah Kota Belud. Selain itu, wujud perubahan amalan pertanian yang sangat jelas di dalam masyarakat tani di kampung ini berdasarkan perubahan sikap petani terhadap teknologi baru yang diperkenalkan dalam sektor pertanian.

Produktiviti yang rendah dalam aktiviti pertanian padi di negeri Sabah sering dikaitkan dengan amalan petani terhadap teknologi tempatan yang lemah (Chatfield, 1967; Ooi, 1980; dan Singh, 1981). Kerajaan merupakan agen terpenting dalam memperbaiki tahap teknologi sektor pertanian padi di daerah Kota Belud. Menurut encik Muneh Sikin<sup>1</sup> (2004), antara usaha yang dilakukan oleh Jabatan Pertanian ialah membekalkan benih padi berkualiti dan cepat matang yang sesuai ditanam dua kali setahun, memperkenalkan corak penanaman secara tabur terus, memberikan ceramah dan khidmat nasihat, serta membentuk blok-blok pertanian. J.M. Henslin (2005) mentakrifkan teknologi sebagai usaha untuk meningkatkan kemampuan manusia. Oleh itu, ini tidak bermakna masyarakat tani Dusun tradisional tidak mempunyai teknologi mereka sendiri, tetapi apa yang dirujuk sebagai teknologi di dalam kertas kerja ini ialah teknologi baru yang dipraktikkan oleh masyarakat petani di Kampung Piasau.

Apabila teknologi baru diperkenalkan di dalam masyarakat, ia akan secara tidak langsung membentuk semula masyarakat tersebut (Norazit Selat, 1993; dan Rahimah Abdul Aziz, 2001). Terdapat empat cara di mana teknologi dapat mengubah kehidupan manusia, iaitu melalui perubahan dalam organisasi sosial, perubahan ideologi, perubahan nilai, dan perhubungan sosial (Henslin, 2005). Teknologi di dalam kertas kerja ini merujuk kepada penggunaan sistem pengairan dan saliran, jentera pembajak dan penuai, bajak tanah, benih padi baru, dan racun rumput. Secara amnya, masyarakat Dusun di Kampung Piasau pada mulanya menerima pembaharuan teknologi yang diperkenalkan di kampung ini untuk meningkatkan keluaran bagi memenuhi keperluan makanan dan pasaran yang semakin bertambah.

Max Weber (2000c), di dalam teori beliau tentang masyarakat moden, menyatakan bahawa semakin moden seseorang manusia maka mereka akan semakin bersikap individualistik dan amalan tradisi dalam masyarakat semakin berkurangan. Mereka akan berubah menjadi lebih rasional dalam kehidupan. Memandangkan Kampung Piasau sebelum ini adalah sangat tradisional, jika berpandukan kriteria dalam lima peringkat pertumbuhan yang diberikan oleh W.W. Rostow dan banyak non-rasional dipraktikkan di dalam pertanian, maka perspektif Max Weber ini digunakan untuk melihat adakah pembangunan di Kampung Piasau pada akhirnya menyebabkan masyarakat di kampung ini melakukan tindakan yang rasional, sebagaimana yang terkandung di dalam

---

<sup>1</sup>Pegawai Pertanian di Jabatan Pertanian daerah Kota Belud pada tahun 2004.

Teori Modernisasi? Perkataan rasional di dalam kertas kerja ini merujuk kepada cara hidup dan pemikiran yang mempunyai *means* dan *ends* yang jelas. Rasional, mengikut Max Weber, tidak bermakna masyarakat itu lebih efisien, tetapi ia lebih menumpukan kepada pencapaian dan cara untuk mencapai satu-satu objektif.

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa perubahan teknologi, pengaruh pasaran, pendidikan, budaya, politik dan isu-isu setempat adalah faktor-faktor yang mempengaruhi amalan pertanian dalam masyarakat. Kertas kerja ini telah memberi fokus kepada kesan perubahan teknologi terhadap amalan pertanian masyarakat tani Dusun di Kampung Piasau.<sup>2</sup> Melalui pendekatan etnografi,<sup>3</sup> penyelidikan dilakukan terhadap penggunaan dan kesan modenisasi terhadap amalan pertanian.

### PENGARUH TEKNOLOGI DAN PERUBAHAN AMALAN PERTANIAN

Polisi pembangunan tanah pada zaman kolonial dan pasca kolonial adalah untuk menghapuskan amalan pertanian pindah di dalam masyarakat tani (Cleary & Eaton, 1996). Oleh itu, galakan daripada kerajaan untuk menanam padi sawah bukan hanya bertujuan meningkatkan pengeluaran bagi memenuhi keperluan penduduk tetapi juga untuk mengubah cara hidup petani daripada terlalu bergantung kepada aktiviti pertanian pindah yang dikatakan mengamalkan tahap teknologi yang rendah dan menjejaskan kesuburan tanah (Chatfield, 1967; Jessup, 1981; Schulze & Suriani Suratman, 1999; dan Ngidang, Abdullah & Nowey, 2003). Meskipun geran tanah yang pertama di Kampung Piasau dikeluarkan pada sekitar tahun 1940-an, namun menurut encik Mahai Munsing (2004), aktiviti pertanian pindah di Kampung Piasau hanya berakhir sepenuhnya pada tahun 1970-an.

Walau bagaimanapun, aktiviti pertanian padi huma masih dijalankan tetapi tidak lagi dilakukan secara berpindah randah. Ia adalah implikasi daripada pengenalan tanah secara bergeran kerana sementara menunggu kelulusan permohonan geran, tanah diusahakan secara tetap untuk mengelakkan perebutan kawasan pertanian dengan petani lain. Program-program pembangunan yang lebih tertumpu kepada pertanian padi sawah menyebabkan jenis tanaman padi ini mengalami perubahan teknologi yang lebih ketara dan mendapat penglibatan sebahagian besar petani di Kampung Piasau. Perubahan terhadap amalan pertanian akibat perkembangan teknologi juga dapat dilihat dengan jelas dalam aktiviti pertanian padi sawah berbanding padi huma.

<sup>2</sup>Kajian ini menggunakan maklumat pertanian padi semasa dalam tahun 2004. Ia berasas kepada kerja lapangan yang dibuat pada bulan Januari sehingga Disember 2004.

<sup>3</sup>Kaedah pemerhatian ikut serta, temubual secara semi formal dan informal, dan dokumentasi digunakan untuk mendapatkan data penyelidikan. Jumlah keseluruhan petani padi di Kampung Piasau pada tahun 2004 ialah seramai 126 orang. Daripada jumlah ini, pengkaji telah menemubual 60 orang informan (petani sepenuh masa dan sambilan) yang merangkumi 47.6 peratus daripada jumlah petani yang ada. Sampel dipilih secara *purposive sampling* dan unit persampelan adalah pada peringkat individu.

Pada asasnya, tanaman padi sawah dalam kalangan petani Dusun di Kampung Piasau dijalankan untuk tujuan jualan dan makanan, manakala padi huma adalah untuk dijadikan makanan. Para petani tidak mahu menjual padi huma kerana ia sukar diusahakan dan kualitinya adalah lebih baik untuk makanan. Oleh itu, penjualannya dianggap tidak menguntungkan kerana harga jualannya tidak jauh berbeza dengan harga jualan padi sawah. Ini menggambarkan bahawa petani-petani di kampung ini meletakkan nilai yang tinggi kepada tenaga yang digunakan untuk menjalankan aktiviti pertanian. Pada asasnya pula, aktiviti pertanian padi tradisional di Kampung Piasau adalah bercorak sara diri sepenuhnya, ia sangat dipengaruhi oleh peraturan dan adat tradisi yang dipercayai oleh petani. Peraturan dan adat inilah yang menyebabkan mereka sentiasa berada dalam persekitaran yang memelihara nilai lama berasas kepada aktiviti pertanian padi. Program pembangunan yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan, pemberian kredit daripada syarikat-syarikat pengilangan padi swasta, dan koperasi petani adalah antara faktor terpenting yang telah memberikan galakan kepada petani untuk menggunakan teknologi baru dalam sektor pertanian di kampung ini.

Perubahan teknologi yang dialami dalam pertanian padi telah menyebabkan perubahan yang pesat, terutamanya dari segi amalan di dalam sektor pertanian padi. Upacara *Manangkala*<sup>4</sup> yang wajib dilakukan dalam aktiviti menanam padi tradisional, misalnya, tidak lagi diamalkan oleh masyarakat tani di kampung ini. Temubual mendapati seramai 23 orang (38.3 peratus) daripada informan di dalam Jadual 1 berpendapat bahawa masyarakat petani masih perlu untuk mempercayai kepercayaan-kepercayaan tradisi kerana jika tidak ia berkemungkinan akan mendatangkan kesan buruk kepada mereka. Sebaliknya, 19 orang (31.7 peratus) yang lain menganggap bahawa ia akan memberikan sedikit faedah kepada mereka. Seramai 14 orang (23.3 peratus) daripada keseluruhan 60 orang informan yang ditemubual memberikan jawapan yang tidak pasti. Mereka yang memberikan jawapan yang tidak pasti adalah di kalangan petani yang percaya bahawa kepercayaan tradisi yang tertentu memberikan faedah kepada mereka dan adakalanya ia tidak memberikan apa-apa faedah. Walaupun mempunyai pendapat yang berbeza-beza, namun semua informan tidak lagi mempraktikkan kepercayaan tradisi di dalam aktiviti pertanian padi.

Di dalam aktiviti pertanian yang mereka lakukan setiap hari, pemerhatian pengkaji mendapati bahawa kepercayaan tradisi tidak lagi mendasari setiap aktiviti yang dilakukan. Kepercayaan petani bahawa mereka tidak boleh berbuat bising semasa musim menghalau burung, misalnya, tidak lagi dipatuhi

---

<sup>4</sup>Upacara ini bertujuan untuk meminta izin *Bambaraion @ Bambarayon* memulakan penanaman. *Tangkala* diperbuat daripada batang buluh sebesar ibu jari kaki petani yang menjalankan upacara. Bahagian hujung batang buluh akan dibelah dua, disengkang menggunakan kayu, dan dipacakkan di tengah petak sawah. Kata-kata *rinait* atau *mentera* akan diucapkan oleh petani sebelum tiga rumpun *totok* yang terdiri daripada anak padi yang terpilih ditanam, berhampiran dengan *tangkala* tersebut.

kerana seluruh kawasan pertanian di Kampung Piasau pada tahun 2004 memasang “layang-layang” berbunyi berbentuk kipas angin yang bertujuan untuk menakut-nakutkan burung (kerja lapangan, Mac 2004).

**Jadual 1:**  
Pendapat Informan tentang Pengamalan Kepercayaan Tradisi

Pendapat	Bilangan	Peratus
Tidak membawa apa-apa faedah	2	3.3
Memberikan sedikit faedah	19	31.7
Perlu percaya sahaja	23	38.3
Harus diamalkan setiap hari	2	3.3
Tidak pasti	14	23.3
<b>Jumlah</b>	<b>60</b>	<b>100.0</b>

Pantang-larang untuk tidak menyebut nama “tikus” di kawasan pertanian juga tidak lagi dipraktikkan oleh sebahagian daripada informan. Di dalam Jadual 2, seramai 26 orang (43.3 peratus) informan berpendapat bahawa menyebut nama “tikus” di kawasan pertanian tidak akan menyebabkan tikus datang untuk memakan padi. Sementara itu, 20 orang (33.3 peratus) yang lain berpendapat bahawa menyebut nama “tikus” akan *mongusah* atau merumitkan lagi keadaan. Manakala 14 orang (23.3 peratus) informan berpendirian tidak pasti akan hal tersebut. Ini berdasarkan pendapat informan yang berubah-ubah di antara bersetuju dan tidak bersetuju tentang kesan negatif menyebut nama “tikus” di dalam kawasan pertanian.

**Jadual 2:**  
Pendapat Informan tentang Kesan Negatif Menyebut Nama “Tikus” dalam Kawasan Pertanian

Pendapat	Bilangan	Peratus
Sangat <i>mongusah</i> (merumitkan lagi keadaan)	3	5.0
Sedikit <i>mongusah</i>	17	28.3
Tidak <i>mongusah</i>	15	25.0
Langsung tidak mempengaruhi	11	18.3
Tidak pasti	14	23.3
<b>Jumlah</b>	<b>60</b>	<b>100.0</b>

Pada masa kini, aktiviti *monotok* sudah jarang dilakukan kerana petani lebih cenderung menanam secara tembakan dan tabur terus. Peraturan dan adat melaksanakan aktiviti penyemaian benih juga tidak lagi diamalkan. Jika perlu petani hanya menyemai benih di kawasan tepi petak sawah. Ia adalah untuk memudahkan kerja petani memindahkan padi tersebut ke kawasan yang perlukan penanaman. Kini, petani tidak lagi menganggap adat sebagai pengaruh utama kepada pelaksanaan sebarang aktiviti dalam pertanian padi. Seramai 33 orang (55.0 peratus) daripada informan di dalam Jadual 3

berpendapat bahawa pelanggaran adat tidak akan memberikan musibah dan tidak memberikan apa-apa kesan kepada tanaman padi. Tujuh orang (11.7 peratus) yang lain berpendapat pelanggaran adat akan membawa musibah.

**Jadual 3:**  
Pendapat Informan tentang Pelanggaran Adat Semasa Bertani

Pendapat	Bilangan	Peratus
Membawa musibah yang besar	1	1.7
Membawa sedikit musibah	6	10.0
Tidak memberikan musibah	21	35.0
Tidak memberikan apa-apa kesan kepada tanaman	12	20.0
Tidak pasti	20	33.3
<b>Jumlah</b>	<b>60</b>	<b>100.0</b>

Hasil daripada temubual mendapati 20 orang (33.3 peratus) daripada informan yang tidak pasti adalah mereka yang berpendapat bahawa pelanggaran adat adakalanya membawa musibah dan adakalanya tidak membawa musibah. Contohnya seperti dalam temubual yang berikut:

Kadang-kadang ada adat yang kalau tidak kena buat *bikin* musibah. Macam adat tidak bising masa halau burung. Tapi tidak tau lah *bah* padi ni habis sebab langgar adat, atau memang sekarang ni burung sudah banyak (temubual dengan Kuliarn, September 2004).

Meskipun enam orang informan percaya bahawa pelanggaran adat akan memberikan sedikit musibah kepada tanaman, manakala 20 orang berpendapat tidak pasti, mereka sekadar mempercayai tetapi tidak mengamalkan adat atau amalan tradisi tersebut semasa menjalankan aktiviti pertanian.

**Jadual 4:**  
Pendapat Informan tentang Kepentingan *Bobolian* di dalam Aktiviti Pertanian Padi

Pendapat	Bilangan	Peratus
Sangat penting	2	3.3
Penting	8	13.3
Kurang penting	28	46.7
Sangat tidak penting	13	21.7
Tidak pasti	9	15.0
<b>Jumlah</b>	<b>60</b>	<b>100.0</b>

Jika masyarakat lampau menganggap bahawa *Bobolian*<sup>5</sup> sangat penting dalam usaha pertanian padi, perubahan semasa telah menyebabkan generasi tani kini kurang bergantung kepada elemen-elemen lama seperti *Bobolian*

<sup>5</sup>*Bobolian* adalah orang yang bertanggungjawab mengetuai aktiviti ritual tradisional, penyembuhan penyakit, dan menjalankan upacara adat-istiadat lama.

dalam melakukan aktiviti pertanian mereka. Upacara-upacara keagamaan yang dijalankan oleh petani sebelum ini telah digantikan dengan upacara doa. Ini dipersepsikan pada paras rendah oleh 41 orang (68.4 peratus) informan di dalam Jadual 4 yang menjawab “kurang penting” dan “sangat tidak penting”. Manakala hanya 10 orang (16.6 peratus) berpendapat *Bobolian* itu “penting” dan “sangat penting” kepada aktiviti pertanian. Sembilan orang (15 peratus) daripada informan yang tidak pasti tentang kepentingan *Bobolian* di dalam aktiviti pertanian adalah di kalangan mereka yang berpendapat bahawa *Bobolian* adakalanya penting dan adakalanya tidak penting dalam pertanian, sebagaimana temubual berikut:

Pada saya, kalau hujan terus masa menuai, patut *Bobolian* bikin adat *kasi berenti*. Tapi *manada* lagi macam tu sekarang. Orang lain ingat, *bikin* sama tidak *bikin* sama saja (temubual dengan Kuliarn, September 2004).

Walau bagaimanapun, semua informan sama ada menganggap *Bobolian* penting, tidak penting, mahupun tidak pasti, mereka tidak lagi menggunakan khidmat *Bobolian* di dalam melakukan sebarang aktiviti pertanian.

**Jadual 5:**  
Pendapat Informan tentang Pengaruh Adat Terhadap Hasil Tuaian

Tahap Persetujuan	Pengaruh Adat Terhadap Hasil Tuaian	
	Bilangan	Peratus
Sangat setuju	1	1.7
Setuju	5	8.3
Kurang setuju	25	41.7
Sangat tidak setuju	17	28.3
Tidak pasti	12	20.0
<b>Jumlah</b>	<b>60</b>	<b>100.0</b>

Perkembangan teknologi turut mempengaruhi persepsi petani terhadap adat tradisional semasa menjalankan aktiviti pertanian padi. Jika sebelum ini masalah padi lambat matang diatasi oleh petani dengan melaksanakan upacara adat yang disebut *timbu-timbuan*.<sup>6</sup> Di dalam aktiviti pertanian padi semasa, upacara *timbu-timbuan* ini tidak lagi mempengaruhi keyakinan petani bahawa ia boleh mendatangkan hasil yang banyak. Jadual 5 menunjukkan pendapat petani tentang pengaruh adat tradisional terhadap aktiviti pertanian padi semasa. Seramai 42 orang (70.0 peratus) daripada informan sangat tidak bersetuju

<sup>6</sup>*Timbu-timbuan* bertujuan untuk membuatkan padi cepat matang dan matang dengan serentak. Nasi akan dibulatkan dalam genggam dan diletakkan dalam tempurung kelapa. Tempurung kelapa berisi nasi akan disimpan di atas sebatang kayu yang mempunyai tiga cabang di hujungnya. Ia akan diberikan kepada *Bambaraion* sebagai makanan. Petani percaya jika *Bambaraion* sihat maka padi juga akan menjadi subur.

dan kurang setuju bahawa hasil tuaian mereka bergantung kepada kepatuhan mereka terhadap adat. Pendapat ini menggambarkan bahawa sebahagian besar petani semakin tidak mengiktiraf pengaruh peraturan dan adat-istiadat tradisional dalam menentukan pulangan hasil tanaman padi mereka. Walau bagaimanapun, 12 orang daripada mereka berpendapat tidak pasti tentang pengaruh adat terhadap aktiviti pertanian. Manakala enam yang lain bersetuju dan sangat bersetuju. Namun, semua petani tidak lagi mempraktikkan adat tradisional semasa bertani.

Berdasarkan kajian dan kedudukan sektor pertanian padi di Kampung Piasau pada masa ini, pengkaji berpendapat bahawa ia lebih banyak memenuhi kriteria pada tahap keempat dalam teori modenisasi yang dikemukakan oleh W.W. Rostow. Menurut W.W. Rostow (2000), peringkat yang keempat dalam proses modenisasi ialah peringkat menuju ke arah kematangan (*the drive to maturity*) yang mana teknologi moden dikatakan menyumbang sepenuhnya di semua peringkat dalam ekonomi. Kajian mendapati bahawa setiap peringkat dalam aktiviti pertanian padi di Kampung Piasau kini mengaplikasikan teknologi moden di dalam pelaksanaannya. Bagi W.W. Rostow (2000), masyarakat mementingkan peningkatan teknologi kerana ia dianggap mampu mengeluarkan hasil secara efisien. Akibat daripada peningkatan teknologi dalam sektor pertanian padi di Kampung Piasau, banyak amalan dan nilai lama telah kurang dipraktikkan semasa bertani. Ini bersesuaian dengan idea W.W. Rostow (2000) bahawa di peringkat yang keempat, manusia sudah mulai dapat menyesuaikan diri dengan nilai dan institusi yang baru. Nilai dan institusi baru yang dimaksudkan akan diterangkan di bahagian yang seterusnya.

### **PERUBAHAN DALAM SUMBER PENCAPAIAN STATUS PETANI**

Perkembangan teknologi yang dialami dalam masyarakat tani di Kampung Piasau bukan sahaja telah mengubah amalan pertanian dalam masyarakat tetapi juga aspek sumber pencapaian status mereka. Pencapaian status yang selama ini diwarisi kini berlaku seiring dengan status yang boleh dicapai.

Pada tahun 2004, sebarang urusan berkenaan tanah di Kampung Piasau tidak lagi melibatkan Ketua Kampung sepenuhnya, tetapi sebahagian besar petani menguruskan sendiri tanah mereka dan adakalanya Ketua Kampung hanya bertindak sebagai penasihat tentang tindakan yang perlu diambil oleh petani. Oleh kerana urusan berkenaan mendapatkan geran tanah secara tradisional dilakukan oleh Ketua Kampung maka Ketua Kampung mempunyai kawasan tanah yang luas berbanding penduduk kampung yang lain. Pemilikan kawasan tanah inilah yang menyebabkan Ketua Kampung dapat memelihara kedudukan yang tinggi dan dihormati oleh masyarakat kampung.

Peningkatan pengetahuan membolehkan petani dapat menguruskan sendiri permohonan tanah mereka terus ke Jabatan Tanah Daerah tanpa menggunakan khidmat Ketua Kampung. Kedudukan Ketua Kampung sebagai pemimpin tertinggi di dalam sistem pentadbiran tradisional peringkat kampung tidak

lagi memberi Ketua Kampung kelebihan untuk mendapatkan kawasan tanah yang lebih luas. Sesiapapun akan mendapat peluang jika sanggup meluangkan masa dan mempunyai kebolehan untuk mengurus serta mempunyai kenalan yang berpengaruh di Jabatan Tanah dan jabatan-jabatan yang berkaitan. Di Kampung Piasau, si Muhir (bukan nama sebenar) dikatakan dapat membantu untuk mempercepatkan proses mendapatkan geran tanah kerana dia bekerja di jabatan kerajaan di daerah Kota Belud (kerja lapangan, April 2004). Menurut informan:

Buat apa lagi mau *pigi* jumpa Ketua Kampung. Lagi cepat terus *pigi* Pejabat Tanah. *Pigi* jumpa Ketua Kampung pun, sama dia *pigi* urus juga macam kita. Banyak Ketua Kampung pernah urus dulu belum selesai-selesai sampai sekarang. Sama saja *bah* (temubual dengan Mijih, bukan nama sebenar, Ogos 2004).

Kedaaan di Kampung Piasau ini selaras dengan pendapat A. Doolittle (2003) bahawa kebolehan untuk memiliki kawasan tanah yang lebih luas di negeri Sabah sehingga tahun 1996 bukan lagi semata-mata bergantung kepada hubungan petani dengan mereka yang memegang kuasa di peringkat kampung, tetapi juga hubungan dengan pihak berkuasa yang berada di luar kampung.

Akibat daripada pelaksanaan aktiviti pertanian berasaskan teknologi baru yang berbeza daripada cara tradisional, *Bobolian* tidak lagi mendapat pengiktirafan untuk melakukan upacara dalam pertanian seperti sebelum ini. Malah tiada lagi orang-orang tua yang mengaku sebagai *Bobolian* di Kampung Piasau. Mereka sudah tidak diharapkan untuk melakukan aktiviti penyembahan, penyembuhan penyakit, dan pelaksanaan upacara istiadat lama di dalam pertanian. Bekas-bekas *Bobolian* di kampung ini juga mulai percaya bahawa mereka tidak mendapat keuntungan yang sepatutnya di dalam tugas-tugas sebagai *Bobolian* yang mereka lakukan sebelum ini. Apa yang menarik di sini ialah penukaran nilai adat yang mulai dianggap sebagai komoditi. Pertukaran nilai ini juga jelas dalam maklumat temubual di bawah:

Tiada untungnya jadi *Bobolian*, orang lain dapat sekolahkan anak-anak *diaorang* tinggi-tinggi dan dapat hidup senang, tapi kami apa ada (temubual dengan Runsoyo, November 2004).

Kini, individu-individu yang terdiri daripada generasi muda, orang-orang tua, pekerja-pekerja kerajaan dan swasta, serta golongan-golongan berpendidikan tinggi adalah mereka yang bertindak sebagai pencetus idea dan pelaksana projek-projek pembangunan mengikut bidang masing-masing. Mereka menjadi individu yang sangat penting untuk menyediakan landasan pembangunan dan mempengaruhi keseluruhan penduduk kampung, khususnya petani padi, untuk menerima perubahan yang baik. Di Kampung Piasau ada beberapa orang yang dihormati di dalam masyarakat. Mereka terkenal kerana mempunyai tingkat pendidikan dan kedudukan yang baik dalam pekerjaan di jabatan kerajaan. Menurut informan:

Masa tanah saya kena kacau orang luar, saya *pigi* jumpa si Kisua (bukan nama sebenar) saja. *Abis* dia tau apa yang *mau kana* buat supaya dapat balik tanah saya. Dia banyak kenal orang. Dia boleh juga tolong saya taip surat *pigi* mahkamah (temubual dengan Simbaul, November 2004).

Corak pemilikan tanah turut mengalami perubahan, daripada tanah yang dimiliki secara pewarisan kepada tanah yang diperolehi melalui aktiviti jual-beli dan berdasarkan minat anak terhadap pertanian. Kini, mereka yang mampu mengurus dan membeli juga berpeluang besar untuk memiliki tanah. Menurut Ahmad Madzhan, amalan pewarisan tanah di kalangan masyarakat Bumiputera semasa zaman penjajahan menyebabkan pekerjaan sebagai petani menjadi pekerjaan warisan dari satu generasi ke generasi yang seterusnya (dalam Singh, 1981). Pada masa dahulu, pekerjaan sebagai petani di Kampung Piasau menjadi pekerjaan warisan, khususnya di kalangan anak-anak sulung kerana anak-anak sulung mendapat hak keistimewaan untuk mewarisi tanah pusaka. Oleh itu, mereka mempunyai kedudukan yang tinggi dalam institusi keluarga dan kampung. Memandangkan sekarang ramai anak-anak petani sudah kurang berminat untuk melibatkan diri dalam aktiviti pertanian, pewarisan tanah kepada anak sulung mengikut hierarki dalam keluarga telah mulai berubah. Para petani di Kampung Piasau kini menggunakan kriteria baru di dalam sistem pewarisan harta. Ibu bapa akan mewariskan tanah mereka kepada anak-anak yang menunjukkan minat untuk mengerjakan tanah. Menurut responden:

Dalam keluarga kami, mana yang sulung tidak dapat bahagian, yang lebih muda pula yang dapat tanah. Mungkin dia saja anak kandung dalam keluarga ini. Dia usahakan empat kawasan tanah keluarga sampai yang lain pula terpaksa sewa tanah orang lain (temubual dengan Tangri, bukan nama sebenar, Jun 2004).

Perkembangan teknologi menyebabkan masyarakat tani di Kampung Piasau beralih kepada cara baru untuk menguruskan hal ehwal berkaitan dengan tanah dan aktiviti pertanian. Pencapaian status sosial yang selama ini sangat berorientasikan sistem pewarisan telah mengalami perubahan secara perlahan-lahan. Ia antaranya dipengaruhi oleh penguatkuasaan sistem perundangan berkaitan dengan tanah dan juga tekanan penduduk ke atas tanah yang semakin hari semakin mengecil kesan daripada sistem pewarisan. Kini status dalam masyarakat tani di Kampung Piasau bukan sahaja diperolehi secara pewarisan tetapi juga mampu untuk dicapai.

## KESIMPULAN

Perubahan teknologi merupakan faktor yang paling dominan menentukan arah pembangunan masyarakat tani padi di Kampung Piasau setelah menjangkau hampir 50 tahun mengharungi arus perubahan. Perubahan teknologi dalam sektor pertanian yang antaranya melalui pembinaan parit dan saliran, penanaman padi dua kali setahun, serta penggunaan mesin

dan jentera semasa bertani merupakan usaha peningkatan keluaran hasil pertanian yang terangkum di bawah payung “Revolusi Hijau” (Wong, 1987). Pencapaian yang baik di dalam sektor pertanian padi di Kampung Piasau akibat perkembangan teknologi menggambarkan bahawa kampung ini akan menjadi antara kawasan industri pertanian padi pada masa akan datang. Namun, amalan-amalan asal yang selama ini menjadi penentu kepada kejayaan dan kegagalan aktiviti pertanian telah berubah kepada amalan pertanian terkini yang lebih berorientasikan teknologi baru. Penguasaan modal untuk membiayai kos penggunaan teknologi baru dan keupayaan mengeluarkan untuk tujuan pasaran adalah tunjang kepada kejayaan di dalam pelaksanaan aktiviti pertanian padi.

Jika mengambilkira pandangan Max Weber (2000c) tentang masyarakat moden, masyarakat tani di Kampung Piasau pada masa ini belum lagi boleh dikategorikan sebagai masyarakat moden sepenuhnya. Menurut Max Weber (2000a) pula, masyarakat moden ialah masyarakat yang melakukan sesuatu tindakan untuk tujuan yang rasional. Rasional dalam pengeluaran dikatakan sebagai satu keperluan dalam menghasilkan kecekapan fizikal manusia dan ia adalah faktor yang paling konsisten dalam menentukan kestabilan ekonomi masyarakat moden. Meskipun masyarakat tani di Kampung Piasau tidak lagi mempraktikkan amalan lama dalam melakukan aktiviti pertanian, namun mereka masih tidak dapat mengikis kepercayaan tersebut. Kajian menunjukkan bahawa kebanyakan petani tidak lagi mempraktikkan amalan lama tetapi mereka masih percaya dengannya.

Max Weber (2000b) di dalam teori modenisasi pula beliau juga menyatakan bahawa semakin moden seseorang manusia maka mereka akan semakin bersikap individualistik. Kewujudan sikap individualistik dalam masyarakat tani di Kampung Piasau serba sedikit digambarkan oleh terhapusnya amalan *mitabang tabang*, iaitu kerjasama tidak berbayar yang merupakan antara aktiviti pengeluaran yang utama di dalam masyarakat tani tradisional di kampung ini. Pengenal teknologi terkini menyebabkan bayaran dikenakan bagi setiap pertolongan, khususnya yang berkait aktiviti pertanian. Apa yang menjadi persoalan ialah adakah pada akhirnya modenisasi dalam masyarakat tani di Kampung Piasau akan menyebabkan masyarakat tani di kampung ini menjadi bertambah pasti untuk tidak mengiktiraf keberkesanan nilai-nilai lama yang sebelum ini mereka terajui berkenaan dengan pertanian? Inilah persoalan yang perlu dijawab untuk kajian terhadap masyarakat ini pada masa hadapan.

## Bibliografi

- Chatfield, G.A. (1967). *Sabah: A General Geography*. London: University of London Press Ltd.
- Cleary, M. & P. Eaton. (1996). *Tradition and Reform: Land Tenure and Rural Development in South-East Asia*. New York: Oxford University Press.
- Doolittle, A. (2003). "Colliding Discourses: Western Land Laws and Native Customary Rights in North Borneo, 1881-1918" dalam *Journal of Southeast Asian Studies*, 34(1), ms.97-126.
- Gindanou Sakat. (2005). "Kota Belud 'Rice Bowl' Project Needs RM200m" dalam akhbar *Daily Express*. Kota Kinabalu, Sabah: 7 Mac, ms.3.
- Henslin, J.M. (2005). *Sociology: A Down to Earth Approach*. Amerika: Pearson, Seventh Edition.
- Jessup, T.C. (1981). "Why Do Apo Kayan Shifting Cultivators Move? A Preliminary Report" in *Borneo Research Bulletin*, 13(1), pp.16-32.
- Ngidang, D., Abdul Rashid Abdullah & G.T. Nowey. (2003). "Land Use and Farming Systems at the Periphery of the Crocker Range National Park Sabah, Malaysia" dalam *ASEAN Review of Biodiversity and Environmental Conservation (ARBEC)*, ms.1-16.
- Norazit Selat. (1993). *Konsep Asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ooi, Siok Thong. (1980). "An Extract of a Report on Agricultural Prospects in British North Borneo, 1882" dalam *Bulletin of the Society of Agricultural Scientists Sabah*, IV(2), ms.1-18.
- Rahimah Abdul Aziz. (2001). *Pengantar Sosiologi Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rostow, W.W. (2000). "The Stages of Economic Growth: A Non-Communist Manifesto (1960)" dalam R.J. Timmons & Amy Hite [eds]. *From Modernization to Globalization: Perspectives on Development and Social Change*. UK: Blackwell Publishers Ltd.
- Schulze, H. & Suriani Suratman. (1999). *Villagers in Transitions: Case Studies from Sabah*. Sabah: Penerbit UMS.
- Singh, D.S.R. (1981). "The Structure of the Indigenous Economy in Sabah in the 1860s and 1870s". *Kertas Kerja* dibentangkan dalam Seminar Sejarah dan Masyarakat Sabah, anjuran Yayasan Sabah dengan kerjasama Persatuan Sejarah Malaysia. Kota Kinabalu, Sabah: 12-16 Ogos.
- Weber, Max. (2000a). "The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism (1905)" dalam R.J. Timmons & Amy Hite [eds]. *From Modernization to Globalization: Perspectives on Development and Social Change*. UK: Blackwell Publishers Ltd.
- Weber, Max. (2000b). "Science as a Vocation (1919)" dalam R.J. Timmons & Amy Hite [eds]. *From Modernization to Globalization: Perspectives on Development and Social Change*. UK: Blackwell Publishers Ltd.
- Weber, Max. (2000c). "The Characteristics of Bureaucracy (1920)" dalam R.J. Timmons & Amy Hite [eds]. *From Modernization to Globalization: Perspectives on Development and Social Change*. UK: Blackwell Publishers Ltd.
- Wong, D. (1987). *Peasants in the Making: Malaysia's Green Revolution*. Pasir Panjang: Institute of Southeast Asian Studies.

## Temubual:

- Kuliam (Petani di Kampung Piasau), bulan September 2004.
- Mahai Munsing (bekas Ketua Kampung Piasau di Sabah, Malaysia), temubual mengenai *Sejarah Pertanian Kampung Piasau*, tarikh 14 Mei 2004.
- Mijul (bukan nama sebenar), di Kampung Piasau, bulan Ogos 2004.
- Muneh Sikin (Pegawai Pertanian, Jabatan Pertanian Daerah Kota Belud di Sabah, Malaysia), temubual mengenai *Projek Pembangunan Pertanian Padi di Kampung Piasau*, tarikh 12 Disember 2004.
- Runsoyo (Bobolian di Kampung Piasau), bulan November 2004.
- Simbaul (penduduk di Kampung Piasau), bulan November 2004.
- Tangri (bukan nama sebenar), di Kampung Piasau, bulan Jun 2004.